

23/12/1998

Menyorot dasar luar Malaysia sepanjang 1998

Faizal Fadzil

TUMPUAN utama dasar luar negara sepanjang tahun ini ialah memastikan kepentingan Malaysia dan rakyatnya tetap utuh dan terjamin di samping selamat daripada pelbagai serangan politik dan ekonomi yang dilakukan pihak asing.

Lanjutan daripada serangan ekonomi oleh pedagang mata wang terhadap ekonomi Asia mulai pertengahan 1997 yang hampir melumpuhkan ekonomi rantau ini termasuk Malaysia, pemerintah negara ini mengambil beberapa langkah drastik bagi mengelak sebarang kejatuhan lebih teruk.

Kadar mata wang negara terjejas teruk hingga pernah mencapai kadar lebih RM4.50 berbanding AS\$1 pada satu ketika, manakala indeks saham paras 300 mata.

Tekanan ini menyebabkan banyak perniagaan terpaksa gulung tikar sehingga menjejaskan ekonomi negara.

Tindakan drastik Malaysia itu selaras dengan asas dasar luar mana-mana negara iaitu mempertahankan kepentingan rakyat negaranya supaya tidak terjejas.

Kerajaan mengetahui keadaan itu akan menyebabkan ketidakstabilan politik yang berpanjangan jika tiada sebarang langkah diambil.

Krisis ekonomi yang berlaku di Indonesia dan Korea Selatan yang menyebabkan tercetusnya kegawatan politik dan sosial menyedarkan kerajaan betapa perlunya tindakan diambil.

Langkah itu sekali gus meyakinkan dunia terhadap kemampuan Malaysia untuk terus bangkit daripada kegawatan ekonomi yang melanda seterusnya mengelak rusuhan seperti di Indonesia berlaku di negara ini.

Tindakan media asing yang meraih kesempatan ini untuk menyerang dasar negara dilihat dapat mewujudkan ketidakstabilan, perpecahan dan kekeliruan masyarakat dunia dan rakyat tempatan mengenai langkah Malaysia, satu keadaan yang dirasakan mampu menambah kekusutan yang melanda.

Menggunakan kelemahan yang wujud dalam sistem pemerintahan negara yang dibangkitkan segolongan rakyat negara ini, media asing menyerang dasar negara yang dianggap tidak wajar kerana bertentangan dengan tindakan badan multilateral antarabangsa seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

Menurut perunding pengurusan, Kenichi Ohmae, dalam persaingan sengit dunia tanpa sempadan, sesebuah negara terdedah kepada risiko berterusan dan bagi Malaysia, ia adalah risiko disalah anggap negara lain.

Katanya, masalah ekonomi, pembangunan dan isu dalaman Malaysia disalah tafsir dan laporannya diselewengkan media asing. "Ia adalah proses yang tidak dapat dielakkan. Pada satu tahap ketika anda mahu menyaingi ekonomi negara lain, anda berdepan dengan risiko berterusan seperti ini," kata Ohmae yang menulis buku mengenai dunia tanpa sempadan 10 tahun lalu.

Menurutnya, risiko yang dihadapi Malaysia ialah risiko salah faham oleh seluruh dunia. "Wujud salah tafsiran di kalangan media Amerika Syarikat dan Eropah terhadap pemecatan dan penahanan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan mengenai pelaburan dalam sektor hartanah dan hotel di Kuala Lumpur," katanya.

Malah Ohmae yang masih menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor raya Multimedia (MSC) pernah dilaporkan media Barat sebagai sudah menarik balik keanggotaannya berikutan penahanan Anwar.

Kita kesal kerana sebarang langkah menyelamatkan institusi korporat tempatan bagi mengukuhkan semula ekonomi dianggap sebagai langkah negatif kerajaan yang kononnya menyelamatkan golongan tertentu dan mengabaikan

rakyat terbanyak.

Justeru, kerajaan mengambil langkah tegas bagi mengukuhkan dasar luar negara khususnya dalam mempertahankan serangan yang dicetuskan kerajaan dan media asing.

Pemimpin negara ini bertindak pantas berhadapan serangan itu yang dirasakan sebagai satu tindakan campur tangan asing terhadap dasar sebuah negara yang berdaulat dan demokratik serta mendukung keluhuran undang-undang.

Antara langkah yang diambil kerajaan ialah mengarahkan semua kedutaan Malaysia memberi penjelasan yang tepat dan jelas mengenai dasar ekonomi negara supaya masyarakat antarabangsa memahami tindakan Malaysia bertujuan menyelamatkan kepentingan rakyat dan negara ini.

Kerajaan juga mengarahkan kedutaan Malaysia supaya memberi penjelasan kepada masyarakat antarabangsa mengenai tindakan politik yang diambil khususnya membabitkan pemecatan bekas Anwar bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat antarabangsa sekali gus menangkis kritikan asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin utama negara tidak henti-henti memberi penjelasan mengenai tindakan politik dan ekonomi Malaysia kepada media asing dan perjumpaan dengan pemimpin antarabangsa.

Semua kempen penerangan ini bertujuan meningkatkan keyakinan masyarakat antarabangsa mengenai kemampuan Malaysia sebagai kawasan pelaburan yang terbaik; stabil dari sudut politik dan adil dari segi sosial serta pengagihan ekonomi.

Keyakinan antarabangsa akan mengembalikan semula pelaburan asing yang lari ketika kegawatan melanda di samping menarik kembali rakyat asing untuk berurusan dengan negara ini dalam apa juga bidang.

Langkah penjelasan kerajaan terhadap kemampuan negara jelas dapat diterima baik oleh masyarakat antarabangsa. Ini terbukti mereka tetap mengiktiraf peranan Malaysia dalam memperbaiki keadaan dan sistem antarabangsa.

Antaranya, Malaysia tetapi menjadi pilihan antarabangsa yang turut bertanggungjawab menangani keamanan dunia. Ini jelas apabila negara berjaya meraih undi terbanyak dalam pemilihan negara yang menduduki kerusi tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), badan yang bertanggungjawab menentukan arah tuju keselamatan masyarakat dunia.

Laungan Malaysia supaya masyarakat antarabangsa mengenakan peraturan terhadap urus niaga perdagangan mata wang mula mendapat sokongan masyarakat antarabangsa, termasuk pedagang mata wang seperti George Soros, yang mulai merasai kepedihan perdagangan mata wang secara terlalu bebas.

Jelas, beberapa langkah yang dicetuskan Malaysia pada asalnya memang bertujuan untuk menyelamatkan diri negara dan rakyat ini sendiri; menjaga kepentingan mereka termasuk di peringkat antarabangsa supaya tidak terjejas.

Ini ditegaskan oleh Dr Mahathir sendiri dalam ucapan pembukaan Sidang Kemuncak Majlis Penasihat Perniagaan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Abac) di Kuala Lumpur November lalu apabila beliau meminta masyarakat antarabangsa supaya membiarkan Malaysia melaksanakan dasar ekonomi sendiri khususnya kawalan mata wang.

"Jika gagal, Malaysia sendiri yang menerima akibatnya dan masyarakat antarabangsa boleh mempelajari pengalaman itu untuk kebaikan dunia," katanya.

Namun, tindakan secara sendirian Malaysia, mula memperlihatkan sokongan meluas di peringkat antarabangsa untuk dilaksanakan dengan segera.

Sekali lagi ditegaskan, dasar yang dilaksanakan Malaysia sepanjang tahun ini hanya untuk memastikan kepentingan negara dan rakyat negara ini

terjamin.

Sewajarnya, prinsip dasar luar itu yang harus menjadi asas utama bagi semua negara berdaulat.

(END)